

IPTA bantu pesakit kanser

■ ERNEDA PASOLA MOHAMED
NORSANI

KUANTAN - Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) boleh menjadi 'orang tengah' kepada masyarakat dalam memberi kesedaran kepada golongan itu untuk membantu pesakit kanser yang memerlukan perhatian dan sumber kewangan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi), Prof Dr Badrulhisham Abd Aziz berkata, menyedari hakikat tersebut, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersedia memberi kerjasama kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA) bagi membantu mencapai matlamatnya untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan pesakit kanser.

"Mereka digalakkan membantu MAKNA dalam pelbagai cara terbaik terutama melalui kempen kesedaran berkaitan pesakit kanser selain turut menyertai beberapa program anjuran bersama untuk mendapatkan bantuan kepada pesakit tersebut," katanya.

Beliau berkata, jumlah pelajar yang ramai turut membantu UMP menjalankan aktiviti yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai penyakit kanser yang kini menjadi pembunuh kedua di negara ini.

Katanya, Program Khidmat Masyarakat UMP ketika cuti semester adalah cara terbaik pelajar menyampaikan mesej kepada masyarakat dengan membawa maklumat dan informasi terkini dalam menangani kanser.

Justeru, katanya, pelajar tidak mempunyai alasan untuk tidak menyumbangkan idea, tenaga dan kewangan kerana golongan itu juga perlu meneruskan kehidupan dalam keadaan normal.

Dr Badrulhisham,

memberitahu, sebagai IPT yang berteraskan teknologi UMP turut memainkan peranan mereka melakukan kajian kepada beberapa tumbuhan dan herba yang dikesan boleh mencegah dan menyembuhkan penyakit kanser.

"Kita berharap hasil kajian berkenaan dapat memberi peluang baru yang lebih positif kepada pesakit kanser sekali gus membuktikan bahawa masih ada bahan yang mampu menyembuhkan kanser," katanya.

Kita berharap hasil kajian berkenaan dapat memberi peluang baru yang lebih positif kepada pesakit kanser sekali gus membuktikan bahawa masih ada bahan yang mampu menyembuhkan kanser."

■ Dr Badrulhisham



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Badrulhisham Abd Aziz menandatangani surat akuan menderma melalui pemotongan gaji MAKNA di semasa program MAKNA menjelajah IPTA.